A

## PP lwn. KHAMALLUL KHISHAM SAIFUL ISMAIL

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, TAIPING
ASMADI HUSSIN PK
[RAYUAN JENAYAH NO: AB-41H-16-10-2017]
9 MAC 2018

B

***PENGANGKUTAN JALAN:*** *Memandu dengan cara berbahaya – Pertuduhan – Akta Pengangkutan Jalan 1987, s. 41(1) – Pengakuan salah – Sabitan dan hukuman – Rayuan terhadap hukuman yang dijatuhkan Majistret memerintahkan pesalah dilepaskan dengan bon berkelakuan baik bercagar sebanyak RM2,000*
C *selama dua tahun – Definisi pesalah muda – Sama ada s. 293(1)(e) Kanun Tatacara Jenayah terpakai – Sama ada Majistret terkhilaf apabila tidak membuat perintah menggantung lesen memandu selepas mensabitkan responden – Sama ada perintah mandatori bawah s. 41(2) dan (3) Akta Pengangkutan Jalan 1987 – Sama ada Majistret gagal memberikan pertimbangan wajar pada fakta kes – Sama ada*
D *Majistret gagal membuat penyiasatan Newton hearing sebelum menjatuhkan hukuman – Sama ada kepentingan peribadi responden perlu diketepikan demi memberi keutamaan pada kepentingan awam – Sama ada hukuman Majistret diakas dan diganti dengan hukuman penjara*

***PROSEDUR JENAYAH:*** *Sabitan dan hukuman – Rayuan terhadap – Memandu*
E *dengan cara berbahaya – Pengakuan salah – Rayuan terhadap hukuman yang dijatuhkan Majistret memerintahkan responden dilepaskan dengan bon berkelakuan baik bercagar sebanyak RM2,000 selama dua tahun – Definisi pesalah muda – Sama ada s. 293(1)(e) Kanun Tatacara Jenayah terpakai – Sama ada Majistret terkhilaf apabila tidak membuat perintah menggantung lesen memandu selepas*
F *mensabitkan responden – Sama ada perintah mandatori bawah s. 41(2) dan (3) Akta Pengangkutan Jalan 1987 – Sama ada Majistret gagal memberikan pertimbangan wajar pada fakta kes – Sama ada Majistret gagal membuat penyiasatan Newton hearing sebelum menjatuhkan hukuman – Sama ada kepentingan peribadi responden perlu diketepikan demi memberi keutamaan pada*
G *kepentingan awam – Sama ada hukuman Majistret diakas dan diganti dengan hukuman penjara*

Ini adalah rayuan yang dikemukakan oleh Pendakwa Raya terhadap hukuman yang dijatuhkan oleh Majistret yang memerintahkan responden dilepaskan dengan bon berkelakuan baik bercagar sebanyak RM2,000 selama
H tempoh dua tahun bawah peruntukan s. 294 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') setelah responden mengaku salah atas satu pertuduhan bawah s. 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 ('APJ'). Pada 4 Ogos 2016, responden memandu sebuah motokar dari arah Kuala Kangsar menghala ke Manong dan masuk ke dalam laluan bertentangan lalu melanggar motokar
I lain. Akibat kemalangan ini, pemandu motokar lain itu telah meninggal dunia di tempat kejadian. Responden didapati melakukan kesalahan memandu secara berbahaya kepada orang awam sehingga menyebabkan

kematian. Responden mengaku salah. Puan Majistret, setelah mengambil kira kelakuan, latar belakang dan umur yang agak muda responden, memutuskan melepaskan responden dengan perintah berkelakuan baik. Majistret mengatakan bahawa responden adalah pesalah pertama, bahawa responden tidak pernah gagal hadir ke mahkamah menunjukkan responden telah insaf dan benar-benar berniat untuk berubah, dan bahawa responden sedang menyambung pelajaran dan adalah harapan orang tuanya untuk berjaya dalam kehidupan. Timbalan Pendakwa Raya ('TPR') pula menegaskan bahawa kemalangan maut itu berlaku akibat pemanduan berbahaya responden dan meminta mahkamah mengambil kira kepentingan awam dalam menjatuhkan hukuman; bukan setakat melihat kepada kebajikan responden, tetapi juga keluarga mangsa yang kehilangan tempat bergantung. TPR menyatakan bahawa hukuman pemenjaraan adalah sesuai bagi kesalahan bawah s. 41(1) APJ kerana hukuman itu menggambarkan niat Parlimen yang memandang serius kesalahan kemalangan maut yang berpunca daripada pemanduan melulu. Akhirnya, TPR menghujahkan bahawa rekod bersih responden tidak bermakna hukuman bersifat pemenjaraan tidak boleh dikenakan oleh mahkamah, jika kesalahan yang dilakukan satu kesalahan yang serius.

**Diputuskan (membenarkan rayuan):**

**(1)** Responden telah berumur 21 tahun semasa dihadapkan ke mahkamah ini dan semasa hukuman dijatuhkan. Seksyen 2(1) KTJ mentakrif 'youthful offender' sebagai 'means a person convicted of an offence punishable by fine or imprisonment who is of or above the age of eighteen and below the age of twenty one.' Tarikh yang relevan sama ada seseorang itu adalah seorang pesalah muda atau sebaliknya ialah pada masa sabitan dan bukannya pada masa kesalahan dilakukan. Berdasarkan definisi pesalah muda bawah s. 2(1) KTJ, perintah khidmat komuniti bawah s. 293(1)(e) KTJ tidak terpakai. (perenggan 20)

**(2)** Kekhilafan pertama yang dilakukan Majistret ialah tidak membuat perintah menggantung lesen memandu serta mengarahkan kesalahan diendorskan pada lesen memandu responden, selepas mensabit responden dengan kesalahan. Perintah-perintah tersebut adalah mandatori bawah sub-s. 41(2) dan (3) APJ, meskipun Majistret melepaskan responden dengan bon berkelakuan baik bawah s. 294 KTJ. Mahkamah perlu merekodkan sabitan sebelum menggunakan peruntukan s. 294 KTJ. Malahan, sub-s. (3A) pada s. 41 memperuntukkan bahawa sekiranya pesalah itu memegang lesen percubaan, lesen tersebut hendaklah dibatalkan atas sabitan yang dibuat oleh mahkamah. Majistret telah tersasar daripada pertimbangan yang betul dan gagal mengguna pakai peruntukan undang-undang yang jelas dan nyata. Ini adalah salah arahan melalui tidak ada arah diri oleh Majistret. (perenggan 21-23)

**(3)** Majistret gagal memberi pertimbangan yang sewajarnya pada fakta kes. Majistret gagal menyedari bahawa kenderaan yang dipandu oleh responden bukanlah sebuah motokar tetapi sebuah kenderaan pacuan empat roda HILUX. Majistret telah membuat penilaian yang salah mengenai jenis kenderaan yang dipandu responden. Sebagai pemandu sebuah kenderaan pacuan empat roda, responden sepatutnya lebih berhati-hati dalam pemanduan jalan raya yang merentasi kawasan perkampungan. Berpandukan gambar-gambar yang diambil di tempat kemalangan, kerosakan yang teruk pada bahagian hadapan kedua-dua kenderaan terlibat jelas menunjukkan impak perlanggaran yang sangat kuat. Responden mengakui dia menceroboh lorong yang bertentangan iaitu laluan sah mangsa. Majistret langsung tidak memberikan pertimbangan pada fakta bagaimana kemalangan itu berlaku sedangkan faktor ini menjadi asas dalam menjatuhkan hukuman untuk kesalahan yang melibatkan kemalangan maut. Ini satu salah arahan mengenai fakta yang begitu ketara. (perenggan 24-26)

**(4)** Majistret, sebelum menjatuhkan hukuman, gagal membuat penyiasatan yang sepatutnya; apa yang dinamakan sebagai *Newton hearing* untuk menentukan sama ada kemalangan maut itu berlaku akibat kehilangan tumpuan sementara atau salah perhitungan atau tindakan bongkak responden tidak menghiraukan keselamatan pengguna jalan raya yang lain atau penumpangnya. Kegagalan Majistret menjalankan *Newton hearing* merupakan suatu salah arahan melalui tiada arah diri. (perenggan 27)

**(5)** Keengganan responden menjelaskan bagaimana dia boleh mencerobohi laluan bertentangan menunjukkan dia tidak mempunyai apa-apa penjelasan. Ini bermakna kemalangan maut itu disebabkan oleh sikap bongkak responden yang tidak mempedulikan keselamatan pengguna jalan raya yang lain. Atas dasar ini, kepentingan peribadi responden perlu dikesampingkan demi memberi keutamaan pada kepentingan awam. Berdasarkan hukuman yang diperuntukkan bawah s. 41(1) APJ, yang membawa hukuman penjara mandatori selama dua tahun dan maksima sepuluh tahun serta denda tidak kurang RM5,000, jelas menunjukkan bahawa kesalahan bawah seksyen tersebut ialah satu kesalahan yang serius. Menjadi prinsip mantap bagi kesalahan yang serius kepentingan awam perlu diutamakan berbanding kepentingan peribadi tertuduh. (perenggan 28)

**(6)** Majistret telah *pre-judge* keputusan tanpa mengambil kira prinsip undang-undang yang harus diikuti dalam kes sebegini. Yang beliau katakan 'sejajar dan selari dengan undang-undang' sebenarnya satu penyimpangan undang-undang, memandangkan beliau gagal melaksanakan apa-apa yang dituntut oleh undang-undang iaitu mengadakan *Newton hearing* sebelum menjatuhkan hukuman. Oleh itu, mahkamah ini terpaksa campur tangan. Hukuman yang dijatuhkan oleh Majistret atas responden diakas dan diganti dengan hukuman penjara dan

denda minima yang dibenarkan oleh s. 41(1) APJ. Responden dengan ini dihukum penjara selama dua tahun dan didenda sebanyak RM5,000 jika gagal bayar denda dipenjara selama dua bulan. Selaras dengan peruntukan sub-s. 41(2) dan (3) APJ, mahkamah memerintahkan lesen memandu responden dicatatkan dengan kesalahan yang disabitkan dan selanjutnya, responden digantung daripada memegang lesen memandu selama tiga tahun bermula dari perintah mahkamah ini. (perenggan 30-32)

**Kes-kes yang dirujuk:**
*Abdul Karim v. Regina [1954] 1 LNS 3 HC* ***(dirujuk)***
*Amit Budin v. PP [1994] 1 LNS 8 HC* ***(dirujuk)***
*Bhandulananda Jayatilake v. PP [1981] 1 LNS 139 FC* ***(dirujuk)***
*Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP [2002] 3 CLJ 457 FC* ***(dirujuk)***
*Goh Kheng Seong v. PP [1992] 4 CLJ 2133; [1992] 2 CLJ (Rep) 408 HC* ***(dirujuk)***
*Jayanthan v. PP [1973] 1 LNS 56 FC* ***(dirujuk)***
*Lim Yoon Fah v. PP [1970] 1 LNS 66 HC* ***(dirujuk)***
*PP v. Kanadasan Sankaran & Anor [2010] 1 CLJ 596 CA* ***(dirujuk)***
*PP v. Loo Choon Fatt [1976] 1 LNS 102 HC* ***(dirujuk)***
*PP v. Mohamed Nor & Ors [1985] 1 LNS 25 SC* ***(dirujuk)***
*PP v. Teh Ah Cheng [1976] 1 LNS 116 HC* ***(dirujuk)***
*PP v. Yap Huat Heng [1986] 1 CLJ 81; [1986] CLJ (Rep) 645 HC* ***(dirujuk)***
*R v. Guilfoyle [1973] 2 All ER 844* ***(dirujuk)***
*Tan Bok Yeng v. PP [1972] 1 LNS 145 HC* ***(dirujuk)***

**Perundangan yang dirujuk:**
Criminal Procedure Code, ss. 2(1), 293(1)(a), (e), 294
Road Transport Act 1987, s. 41(1), (2), (3), (3A)

*Bagi pihak perayu - Azrul Faidz Abdul Razak; TPR*
*Bagi pihak responden - Hadir sendiri*
*Amicus curiae - RNN Rayer; T/n R Nethaji Rayer & Co*

*[Rayuan dari Mahkamah Majistret, Kuala Kangsar; No: AG-83-12-2-2017.]*

*Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin*

## PENGHAKIMAN

**Asmadi Hussin PK:**

**Pendahuluan**

**[1]** Ini adalah rayuan yang dikemukakan oleh Pendakwa Raya terhadap hukuman yang dijatuhkan oleh Majistret, Mahkamah Majistret Kuala Kangsar (Puan Majistret) yang memerintahkan bahawa responden dilepaskan dengan bon berkelakuan baik bercagar sebanyak RM2,000 selama tempoh dua tahun di bawah peruntukan s. 294 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) setelah responden mengaku salah ke atas satu pertuduhan di bawah s. 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (APJ).

**[2]** Responden hadir pertama kalinya di Mahkamah Majistret Kuala Kangsar pada 24 Februari 2017 (lihat ms. 2 rekod rayuan (RR) jld 1). Responden pohon dibicarakan terhadap pertuduhan yang dihadapinya. Kemudiannya, tarikh bicara yang ditetapkan pada 29 September 2017 telah dilapangkan atas permohonan pihak pendakwaan. Daripada RR tidak dapat dipastikan atas permintaan pihak mana, pada 29 September 2017, kes telah dipanggil semula. Nota prosiding menunjukkan pada hari tersebut, responden ingin menukar pengakuan.

**Pertuduhan**

**[3]** Untuk kesenangan rujukan diperturunkan di bawah ini pertuduhan yang dirangka terhadap responden. Ia dibaca seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 14.08.2016 jam lebih kurang 8.40 malam, di Jalan Kuala Kangsar-Manong (Kampung Jeliang) di dalam daerah Kuala Kangsar di dalam Negeri Perak, sebagai pemandu motokar nombor pendaftaran AGR 2891 telah memandu kenderaan tersebut di atas jalan raya dengan cara yang setelah mengambil perhatian tentang segala keadaan (termasuk jenis, keadaan dan saiz jalan, dan kesesakan lalu lintas yang dijangkakan yang ada atau mungkin ada di jalan itu) adalah merbahaya kepada orang awam sehingga menyebabkan kematian ke atas penama Ahmad Sabri bin Ariffin (No. K/P: 650528-08-6151), oleh yang demikian itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan boleh dihukum di bawah peruntukan yang sama.

**[4]** Puan Majistret, setelah berpuas hati bahawa responden faham akan sifat dan akibat pengakuan salah telah menerima pengakuan salah responden. Selepas mendengar hujahan peguam bela bagi pihak responden dan hujahan balas daripada pihak pendakwaan, Puan Majistret menjatuhkan hukuman seperti yang dinyatakan di perenggan [1] di atas.

**Fakta Kes**

**[5]** Fakta kes yang dibentangkan oleh pihak pendakwaan yang diakui tanpa syarat oleh responden (lihat eks. P2 di ms. 2 RR Jld 3(a)) adalah seperti berikut:

> Pada 4.08.2016 jam lebih kurang 8.40 malam di Jalan Kuala Kangsar-Manong tertuduh bernama Khamallul Khisham bin Saiful Ismail (KPT 960101-08-6105) telah memandu sebuah motokar nombor pendaftaran AGR 2891 dari arah Kuala Kangsar menghala ke Manong. Pada jam sekitar 8.40 malam di Jalan Kuala Kangsar-Manong (Kampung Jeliang) tertuduh telah memandu dari arah Kuala Kangsar menghala ke Manong telah masuk ke laluan bertentangan lalu melanggar motokar AFM 8000. Akibat daripada kemalangan ini, pemandu motokar AFM iaitu Ahmad Sabri bin Ariffin (KPT 650528-08-6151) telah meninggal dunia di tempat kejadian.

Motokar AFM 8000 ini juga membawa seorang penumpang di tempat duduk penumpang hadapan bernama Siti Aisyah binti Ahmad Sabri (KPT 040318-08-0984) yang berusia 12 tahun. Siti Aisyah merupakan anak perempuan mangsa.

Mangsa telah tersepit di kenderaan yang dipandunya dan telah meninggal dunia di tempat kejadian. Berdasarkan laporan Post Mortem mendapati punca kematian mangsa ialah "Polytrauma with massive bleeding in consistent with motor vehicle accident".

Hasil siasatan mendapati Tertuduh telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 kerana setelah mengambil segala hal keadaan (termasuk jenis, keadaan dan saiz jalan dan kesesakan lalulintas yang dijangkakan yang ada atau mungkin ada di jalan itu) telah memandu secara merbahaya kepada orang awam sehingga menyebabkan (sehingga menyebabkan) kematian ke atas Ahmad Sabri bin Ariffin.

**Rayuan Peringanan Hukuman Peguam Bela Responden Di Mahkamah Majistret**

**[6]** Di dalam hujahan mitigasi, peguam bela terpelajar bagi pihak responden berhujah panjang lebar. Hujahan peguam bela boleh ditemui di ms. 5 hingga 15 RR jld 2(a). Secara ringkasnya, peguam bela terpelajar memohon Puan Majistret menggunakan budi bicara di bawah s. 293(1)(a) KTJ, khususnya melepaskan responden dengan amaran memandangkan pada masa kejadian responden berusia 20 tahun 7 bulan. Secara alternative, jika mahkamah merasakan hukuman di bawah s. 293(1)(a) KTJ tidak sesuai, peguam bela terpelajar, memohon responden dilepaskan dengan bon berkelakuan baik selama dua tahun. Salah satu daripada dua hukuman itu dihujahkan oleh peguam bela sesuai untuk dijatuhkan ke atas responden berdasarkan faktor mitigasi berikut; (i) responden seorang pesalah muda (21 tahun semasa membuat pengakuan bersalah); (ii) pengakuan salah itu sendiri; (iii) rekod bersih (responden adalah pesalah pertama); (iv) responden amat menyesali atas apa yang berlaku dan memohon diberi peluang menjadi warganegara berguna; (v) kemalangan itu telah meninggalkan trauma ke atas responden; (vi) responden sedang menyambung pelajaran dalam bidang Penyelenggaraan/Pemasangan Elektrik Satu Fasa bermula Februari 2017 sehingga Februari 2019; (vii) sebagai anak lelaki yang paling sulung daripada sepuluh orang adik beradik, besarlah harapan orang tua melihat responden berjaya di dalam kehidupan dan sedia menggalas tanggungjawab sebagai ketua keluarga untuk menjaga keluarga sekiranya bapanya sudah tiada lagi; dan (viii) akhir sekali, responden semenjak dituduh telah dengan tekun hadir ke mahkamah tanpa gagal.

**Hujahan Pemberat Timbalan Pendakwa Raya (TPR)**

**[7]** TPR menegaskan bahawa kemalangan maut itu berlaku akibat pemanduan berbahaya responden yang memasuki laluan yang bertentangan, di mana jalan di tempat kejadian terdapat garisan berkembar. Mahkamah diminta mengambil kira kepentingan awam di dalam menjatuhkan hukuman;

bukan setakat melihat kepada kebajikan responden, tetapi juga keluarga mangsa yang kehilangan tempat bergantung. Mahkamah juga diminta mengambil perhatian kepada kesalahan serupa yang kian meningkat, khususnya melibatkan pemandu muda. TPR selanjutnya menghujahkan hukuman di bawah s. 293 KTJ tidak akan dapat mendatangkan kesan pengajaran kepada responden. Hukuman pemenjaraan (custodial) adalah sesuai bagi kesalahan di bawah s. 41(1) APJ. Hukuman di bawah s. 41(1) itu menggambarkan niat Parlimen yang memandang serius terhadap kesalahan kemalangan maut yang berpunca daripada pemanduan secara melulu atau merbahaya. Akhirnya, TPR berhujah bahawa rekod bersih responden tidak bermakna hukuman bersifat pemenjaraan tidak boleh dikenakan oleh mahkamah, bila mana kesalahan yang dilakukan merupakan satu kesalahan yang serius, seperti kesalahan di bawah s. 41(1) APJ.

**Alasan Penghakiman Puan Majistret**

**[8]** Alasan penghakiman Puan Majistret boleh ditemui di ms. 8 hingga 20 RR jld 1. Puan Majistret menyedari dalam menjatuhkan hukuman, isu pokok yang perlu diberi pertimbangan ialah keperluan membuat imbangan di antara kepentingan responden dan kepentingan awam - lihat perenggan [10] alasan penghakiman di ms. 11 RR jld 1. Di dalam membuat imbangan yang dikatakan itu, Puan Majistret memutuskan untuk melepaskan responden dengan perintah bon berkelakuan baik. Pada hemat Puan Majistret, hukuman tersebut adalah sesuai setelah mengambil kira kelakuan, latar belakang dan umur serta kesihatan responden. Puan Majistret juga ada menyebut bahawa responden layak mendapat diskaun hukuman atas pengakuan salah yang dibuat.

**[9]** Bersabit dengan faktor kelakuan, Puan Majistret mengatakan rekod responden yang tidak pernah gagal hadir ke mahkamah menunjukkan responden telah insaf dan benar-benar berniat untuk berubah dan tidak akan mengulangi lagi kesalahan yang sama. Puan Majistret di dalam alasan penghakimannya menyatakan perintah bon berkelakuan baik itu akan berkekalan menjadi rekod kesalahan lampau responden. Sekiranya, responden melanggar syarat-syarat bon yang dikenakan, responden boleh dijatuhkan hukuman bagi kesalahan yang sama - kes *Jayanthan v. PP* [1973] 1 LNS 56 dirujuk.

**[10]** Dari segi latar belakang, responden kini mengikuti latihan kemahiran di Menara International College dalam kursus Penyelenggaraan/Pemasangan Elektrik Satu Fasa bermula dari bulan Februari 2017 sehingga Februari 2019 (lihat eks. D12 di ms. 15 RR jld 3(a)). Juga, pertuduhan ke atas responden, pada hemat Puan Majistret telah mendatangkan trauma kepada responden. Pendakwaan jenayah ini dikatakan menjadi suatu pengalaman pahit dalam hidup responden yang bakal menjadikan responden lebih berhati-hati di masa hadapan sewaktu memandu. Puan Majistret seterusnya mengatakan bahawa adalah menjadi tanggungjawab mahkamah untuk mendidik responden khususnya, dan masyarakat umumnya, untuk menjadi warganegara yang

mematuhi undang-undang. Bagi mencapai tujuan itu, hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah tidak semestinya suatu hukuman yang berat. Sebagai pesalah muda, Puan Majistret berpendapat responden seharusnya diberi peluang untuk memperbaiki diri - kes *Lim Yoon Fah v. PP* [1970] 1 LNS 66 dirujuk. Seterusnya, Puan Majistret berpandangan, mahkamah tidak sepatutnya menetapkan trend hukuman bagi sesuatu kesalahan. Hukuman bagi setiap kesalahan perlu berdasarkan fakta kes berkenaan - kes *Abdul Karim v. Regina*; *Sundra Singh v. Regina* [1954] 1 LNS 3 dirujuk. Puan Majistret juga menyatakan bahawa faktor utama yang mendorong mahkamah membuat perintah di bawah s. 294 KTJ ialah rekod bersih responden. Responden ialah seorang pesalah pertama sebagaimana yang disahkan oleh TPR.

**[11]** Berkenaan dengan umur dan kesihatan, Puan Majistret berpandangan dengan menghantar responden ke penjara tidak akan mencapai objektif untuk membimbing responden menjadi ahli masyarakat yang berguna. Terdapat cara lain, selari dengan undang-undang bagi mencapai matlamat tersebut - kes *Amit Budin v. PP* [1994] 1 LNS 8 dirujuk. Responden baru mencapai umur 21 tahun, ketika dituduh, dan 20 tahun semasa kejadian. Puan Majistret percaya dengan melepaskan responden di bawah bon berkelakuan baik menurut s. 294 KTJ, responden boleh berubah ke arah yang lebih baik dan dengan itu, kepentingan awam telah terlaksana.

**Prinsip Undang-undang Dalam Memutuskan Rayuan Berkait Hukuman**

**[12]** Adalah menjadi nas yang mantap bahawa mahkamah yang mendengar rayuan kebiasaannya tidak akan mengubah atau mengganggu sesuatu hukuman yang telah dijatuhkan oleh hakim bicara, kecuali hukuman tersebut salah dari segi undang-undang atau ia terlalu berlebihan atau terlalu tidak mencukupi berasaskan kepada fakta dan keadaan kes. Prinsip ini ditegaskan dalam kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP* [2002] 3 CLJ 457, di mana Mohamed Dzaidin KHN memutuskan seperti yang berikut:

> ... It is of the upmost importance to stress here that the appellate court will not normally alter the sentence unless it is satisfied that the sentence passed by the lower court is manifestly inadequate or excessive or illegal or otherwise not a proper sentence having regard to all the facts disclosed or that the court has clearly erred in applying disclosed or that the court has clearly erred in applying correct principles in the assessment of sentence, see *Public Prosecutor v. Loo Choon Fatt* [1976] 1 LNS 102.

**[13]** Juga, adalah menjadi undang-undang yang mantap bahawa mahkamah yang mendengar rayuan tidak akan mengubah sesuatu hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara hanya disebabkan mahkamah yang mendengar rayuan mungkin menjatuhkan suatu hukuman yang berbeza. Berkait prinsip ini, Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Bhandulananda Jayatilake v. PP* [1981] 1 LNS 139 memutuskan seperti berikut:

> Therefore sentences do vary in apparently similar circumstances with the habit of mind of the particular judge. It is for that reason also that this court has said it again and again that it will not normally interfere with

A sentences, and the possibility or even the probability, that another court would have imposed different sentence is not sufficient, *per se*, to warrant this court's interference.

**[14]** Prinsip yang sama dinyatakan di dalam kes *PP v. Mohamed Nor & Ors* [1985] 1 LNS 25; [1985] 2 MLJ 200.

B

**Di Mahkamah Ini**

**[15]** Rayuan ini pertama kali ditetapkan untuk bicara pada 5 Januari 2018. Memandangkan mahkamah sekarang mengamalkan sistem e-filing, notis bicara dihantar kepada Tetuan Zamri Idrus & Co., peguam bela yang
C mewakili responden semasa prosiding di Mahkamah Majistret (peguam bela terdahulu) melalui alamat e-mel zamri2788@yahoo.com. Responden juga dimaklumkan melalui alamat e-mel peguam belanya legalzisco@gmail.com. TPR memberitahu mahkamah ini bahawa notis bicara yang dikeluarkan itu tidak mempunyai tarikh bicara. TPR terpelajar selanjutnya memberitahu
D mahkamah ini bahawa beliau sendiri telah menghubungi peguam bela terdahulu responden di mana peguam bela itu memberitahu TPR pihaknya tidak menerima notis tersebut. Apapun, mahkamah telah mengarahkan notis bicara dikeluarkan semula. Pendengaran rayuan ditangguhkan kepada 22 Januari 2018. Notis bicara baharu dihantar semula melalui sistem e-filing kepada peguam bela terdahulu melalui dua alamat e-mail yang sama, iaitu
E zamri2788@yahoo.com dan legalzisco@gmail.com.

**[16]** Pada tarikh 22 Januari 2018, responden hadir sendiri. Responden memberitahu mahkamah bahawa beliau diwakili peguam bela, tetapi peguam belanya tidak hadir. Responden tidak memaklumkan mahkamah ini siapakah
F peguam belanya. Tiada alasan diberikan oleh responden kenapa peguam belanya tidak dapat menghadiri mahkamah. Mahkamah ini juga tidak menerima apa-apa surat daripada peguam bela terdahulu atau mana-mana peguam bela memohon penangguhan. Malahan, peguam bela terdahulu tidak pernah mengutus surat kepada mahkamah bahawa pihaknya tidak lagi mewakili responden. Memandangkan tiada alasan yang mewajarkan suatu
G penangguhan dibenarkan, mahkamah ini telah meneruskan pendengaran rayuan ini.

**[17]** TPR di dalam hujahannya bertikai dengan mengatakan bahawa kemalangan maut yang menjadi subjek rayuan ini berlaku di satu jalan kampung, bila mana responden memasuki lorong yang bertentangan dan
H melanggar motokar yang dipandu Ahmad Sabri bin Ariffin (mangsa). Dihujahkan seterusnya, sepatutnya responden lebih berhati-hati semasa memandu. Tiada penjelasan diberikan oleh responden semasa prosiding di hadapan Puan Majistret kenapa dia memasuki lorong bertentangan. Selanjutnya, TPR terpelajar berhujah bahawa hukuman penjara di bawah
I s. 41(1) APJ adalah mandatori. Meskipun, Puan Majistret mempunyai budi bicara untuk memberikan perintah bon kelakuan baik, perintah itu mestilah berpadanan dengan fakta kes. Pada hujahan TPR, fakta kes di dalam rayuan ini tidak mewajar perintah di bawah s. 294 KTJ dibuat oleh Puan Majistret.

TPR selanjutnya berhujah bahawa Puan Majistret terlalu memberi tumpuan kepada kepentingan peribadi responden dan gagal mempertimbangkan trauma yang menimpa keluarga mangsa. Malahan, di dalam alasan penghakimannya Puan Majistret menyatakan sedari awal beliau sudah mempertimbangkan hukuman itu, sebelum responden membuat pengakuan bersalah dan mendengar hujahan pihak-pihak. Tindakan itu menunjukkan bahawa Puan Majistret telah gagal untuk menimbang semua fakta relevan. Beliau telah membuat keputusan awal untuk memberikan bon berkelakuan baik, sebelum mendengar fakta kes yang bakal dikemukakan. Mahkamah ini digesa menimbang kepentingan awam, khususnya kepada fakta bahawa kesalahan jenis ini semakin berleluasa. TPR menghujahkan kepentingan awam mestilah mengatasi kepentingan individu.

**[18]** YB. R.S.N. Rayer (YB Rayer), daripada Tetuan R Nethaji Rayer & Co yang berkebetulan berada di dalam mahkamah terbuka bagi satu kes lain memohon kebenaran bertindak sebagai *amicus curiae* untuk memberi pandangan dalam membantu mahkamah mencapai keputusan yang seadil-adilnya. Mahkamah membenarkan permohonan tersebut demi keadilan dan manfaat responden. YB Rayer berhujah dengan menyatakan bahawa seseorang pesalah muda tidak wajar dihantar ke penjara. Tindakan menghantar pesalah kategori ini ke penjara akan memusnahkan masa depan pesalah. YB Rayer mencadangkan hukuman khidmat masyarakat lebih sesuai dikenakan ke atas responden.

**[19]** Mahkamah ini juga telah memberi peluang kepada responden untuk mengemukakan hujahnya. Responden memberitahu mahkamah dia tidak tahu hendak cakap apa. Bila disoal lanjut oleh mahkamah ini, responden mengatakan dia tahu kenapa dia dipanggil ke mahkamah. Berikut adalah jawapan yang diberikan oleh responden kepada soalan mahkamah:

Mahkamah:
En. Khamallul kamu perlu bercakap kerana Mahkamah akan menentukan rayuan ini.

Responden:
Saya menyesal atas apa yang terjadi. Saya berjanji akan ikut undang-undang selepas ini.

Mahkamah:
Adakah kamu masih belajar?

Responden:
Saya masih belajar dan saya minta maaf kepada keluarga mangsa.

Mahkamah:
Boleh cerita kepada Mahkamah bagaimana kemalangan itu berlaku?

Responden:
Pada malam kejadian saya balik dari kebun.

A Mahkamah:
Apa yang berlaku pada malam itu?
Responden (berdiam diri)
(Walaupun diterangkan oleh jurubahasa Mahkamah berkali-kali)

Mahkamah:
B Ini adalah peluang untuk kamu menceritakan kepada Mahkamah bagi Mahkamah menimbangkan hukuman yang sesuai dan sama ada rayuan Perayu boleh dibenarkan atau tidak.

Walaupun diminta untuk bercakap Responden masih berdiam diri.

Mahkamah:
C Kalau rayuan dibenarkan dan Mahkamah berpendapat hukuman penjara adalah sesuai, kamu boleh dipenjara tidak kurang 2 tahun.

Responden:
Saya tidak mahu masuk penjara.

Mahkamah:
D Ada apa hendak cakap lagi?

Responden:
Tiada.

Mahkamah:
Ada keluarga kamu hadir?
E

Responden:
Saya hadir bersama adik saya.

**Pertimbangan Dan Dapatan Mahkamah Ini**

F **[20]** Pertamanya, mahkamah ini ingin menyatakan bahawa Puan Majistret telah bertindak dengan betulnya apabila tidak membuat perintah di bawah s. 293(1)(a) KTJ, seperti yang dipohon oleh peguam bela responden. Responden telah berumur lebih 21 tahun semasa dihadapkan ke mahkamah ini dan semasa hukuman dijatuhkan. Seksyen itu tidak terpakai ke atas responden. Seksyen 2(1) KTJ mentakrif "youthful offender" sebagai, "means
G **a person convicted** of an offence punishable by fine or imprisonment who is of or above the age of eighteen and below the age of twenty-one" (penekanan ditambah). Daripada definisi tersebut, tarikh yang relevan sama ada seseorang itu adalah seorang pesalah muda atau sebaliknya ialah pada masa sabitan dan bukannya pada masa kesalahan dilakukan. Berdasarkan definisi
H pesalah muda di bawah s. 2(1) KTJ juga, perintah khidmat komuniti di bawah s. 293(1)(e) KTJ yang dicadangkan oleh YB Rayer tidak terpakai.

**[21]** Setelah membaca RR secermatnya, serta menghalusi dan menghadam alasan penghakiman Puan Majistret yang bijaksana serta hujahan-hujahan yang dikemukakan, mahkamah ini mendapati kekhilafan pertama yang
I dilakukan oleh Puan Majistret ialah tidak membuat perintah menggantung lesen memandu serta mengarahkan kesalahan diendorskan di atas lesen memandu responden, selepas mensabit responden dengan kesalahan.

Perintah-perintah tersebut adalah mandatori di bawah sub-s. 41(2) dan (3) APJ, meskipun Puan Majistret melepaskan responden dengan bon berkelakuan baik di bawah s. 294 KTJ. Barang diingat bahawa mahkamah perlu merekodkan sabitan sebelum menggunakan peruntukan s. 294 KTJ itu. Oleh itu, sub-s. (2) dan (3) kepada s. 41 terpakai. Bagi tujuan kemudahan diperturunkan di bawah ini subseksyen-subseksyen tersebut dibaca seperti berikut:

> (2) The Court shall order particulars of any conviction under this section to be endorsed on any driving license held by the person convicted.
>
> (3) A person convicted under this section shall be disqualified from holding a driving licence for a period not less than three years from the date of the conviction and, in the case of second and subsequent conviction, be disqualified for a period of ten years from the date of the conviction

**[22]** Malahan, sub-s. (3A) kepada s. 41 memperuntukkan bahawa sekiranya, pesalah itu memegang lesen percubaan, lesen tersebut hendaklah dibatalkan atas sabitan yang dibuat oleh mahkamah.

**[23]** Daripada awal nampaknya, Puan Majistret telah tersasar daripada pertimbangan yang betul. Puan Majistret telah gagal mengguna pakai peruntukan undang-undang yang jelas dan nyata. Puan Majistret langsung tidak menyentuh tentang kehendak sub-s. (2) dan (3) s. 41 di atas di dalam alasan penghakimannya. Perkara ini merupakan salah arahan melalui tidak ada arah diri oleh Puan Majistret (misdirection by way of non-direction). Salah arahan ini memberikan kuasa kepada mahkamah ini untuk campur tangan ke atas hukuman yang dijatuhkan oleh Puan Majistret.

**[24]** Selanjutnya, mahkamah ini mendapati Puan Majistret telah gagal memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada fakta kes, meskipun beliau menyatakan hukuman mestilah berdasarkan fakta sesuatu kes. Kegagalan memberi pertimbangan kepada fakta kes amat ketara di dalam alasan penghakimannya. Apa yang dipertimbangkan oleh Puan Majistret ialah fakta berkait dengan diri responden. Fakta kes bagaimana kemalangan itu berlaku tidak diberi pertimbangan yang sewajarnya. Ini sekali lagi merupakan salah arahan melalui tidak ada arah diri yang mewajarkan campur tangan mahkamah ini. Di dalam alasan penghakiman, sepertimana yang ditemui di ms. 10 RR jld 1, Puan Majistret telah menggarapkan fakta kejadian kemalangan maut itu dengan amat ringkas. Puan Majistret menukilkan seperti berikut:

> Pada 14.08.2016 jam lebih kurang 8.40 malam, OKT memandu sebuah motokar dari arah Kuala Kangsar menghala ke Manong dan OKT telah masuk ke laluan bertentang lalu melanggar motokar yang dipandu oleh simati. Akibat kemalangan jalanraya simati telah meninggal dunia di tempat kejadian. Punca kematian adalah Polytrauma with massive bleeding in consistent with motor vehicle accident (Laporan Perubatan dirujuk P11).

**[25]** Tiada ulasan lain dibuat oleh Puan Majistret mengenai kemalangan maut itu, selain daripada kutipan di atas. Apa yang jelas, Puan Majistret gagal menyedari bahawa kenderaan yang bernombor pendaftaran AGR 2891 yang dipandu oleh responden bukanlah sebuah motokar, tetapi merupakan sebuah kenderaan pacuan empat roda (4 x 4). Fakta ini jelas kelihatan di dalam laporan polis maklumat pertama (eks. P3) di ms. 3 RR Jld 3(a) di mana kenderaan itu dinyatakan sebagai HILUX. Laporan PUSPAKOM (eks. P8 A hingga C) di ms. 9 RR jilid yang sama menunjukkan kenderaan yang dipandu oleh responden merupakan pickup jenis NISSAN FRONTIER P/UP 4WD 2.5L(D). Lihat juga kad pendaftaran kenderaan AGR 2891 (eks. P9) di ms. 11 RR jilid yang sama dan gambar-gambar kenderaan-kenderaan (eks. 7 A hingga F) yang terlibat di ms. 16, 17 dan 18 RR jilid yang sama. Nampak nyata, bagi Puan Majistret, bagaimana kemalangan itu berlaku tidak relevan. Yang utama bagi Puan Majistret ialah untuk memberi peluang kepada responden yang merupakan pesalah pertama dan muda untuk memperbaiki diri. Puan Majistret selanjutnya memutuskan bahawa adalah menjadi tanggungjawab mahkamah untuk mendidik responden menjadi ahli masyarakat yang berguna. Puan Majistret langsung tidak memberi pertimbangan kepada fakta bagaimana kemalangan itu berlaku sedangkan faktor ini menjadi asas dalam menjatuhkan hukuman bagi kesalahan yang melibatkan kemalangan maut. Perkara ini akan diperjelaskan lebih lanjut kemudian daripada ini.

**[26]** Adalah jelas bahawa kenderaan yang dipandu oleh responden bukanlah sebuah motokar sedan biasa. Puan Majistret telah membuat penilaian yang salah mengenai jenis kenderaan yang dipandu oleh responden. Ia merupakan satu salah arahan mengenai fakta yang begitu ketara. Tiada siapa boleh menafikan hakikat bahawa sebagai pemandu sebuah kenderaan pacuan empat roda, responden sepatutnya lebih berhati-hati di dalam pemanduan di jalan raya yang merentasi kawasan perkampungan. Apatah lagi tempat kejadian berhampiran dengan kawasan sekolah - lihat rajah kasar di ms. 6 RR jld 3(a) (eks. P6 A&B). Rajah kasar juga tidak menunjukkan terdapatnya lampu jalan di tempat kejadian. Adalah selamat untuk mahkamah ini membuat inferens bahawa tempat kejadian adalah gelap sekitar jam 8.40 malam semasa kemalangan itu dikatakan berlaku. Kenderaan yang dipandu responden itu lebih besar daripada motokar sedan biasa. Berpandukan gambar-gambar yang diambil di tempat kemalangan, kerosakan yang teruk kepada bahagian hadapan kedua-dua kenderaan yang terlibat jelas menunjukkan impak perlanggaran yang sangat kuat. Kemalangan maut itu berlaku di kawasan yang mempunyai garisan berkembar di mana kenderaan dilarang sama sekali untuk memotong atau memasuki jalan bertentangan. Mangsa juga membawa seorang anak perempuan berumur 12 tahun di dalam motokarnya. Fakta yang diakui oleh responden ialah dia telah menceroboh lorong yang bertentangan yang merupakan laluan sah mangsa. Fakta-fakta yang disenaraikan oleh mahkamah ini tidak dipertimbangkan langsung oleh Puan Majistret di dalam alasan penghakimannya.

**[27]** Semasa di hadapan Puan Majistret, responden melalui peguam belanya yang terpelajar yang membuat mitigasi langsung tidak menjelaskan kenapa responden mencerobohi lorong yang bertentangan sehingga melanggar motokar yang dipandu mangsa. Puan Majistret sebelum menjatuhkan hukuman gagal membuat penyiasatan yang sepatutnya; apa yang dinamakan sebagai *Newton* hearing bagi menentukan sama ada kemalangan maut itu berlaku akibat kehilangan tumpuan sementara atau salah perhitungan (momentary inattention or misjudment) atau tindakan bongkak responden tidak menghiraukan keselamatan pengguna jalan raya yang lain atau penumpangnya (the accused has driven in a manner which has shown a selfish disregard for the safety of other road users of or of his passengers). Kegagalan Puan Majistret membuat *Newton* hearing merupakan suatu salah arahan melalui tiada arah diri. Semasa di mahkamah ini, responden diberi peluang untuk menjelaskan kepada mahkamah ini bagaimana kemalangan itu berlaku. Namun, responden memilih untuk berdiam diri, meskipun ditanya berkali-kali oleh mahkamah ini dengan bantuan jurubahasa. Mahkamah ini telah melaksanakan prinsip tersebut yang dinyatakan di dalam kes *R v. Guilfoyle* [1973] 2 All ER 5844. Amat malang sekali, Puan Majistret tidak mengetahui mengenai prinsip yang dikemukakan melalui kes *R v. Guilfoyle* (*supra*) itu. Berkait dengan prinsip yang dinyatakan di dalam kes *R v. Guilfoyle* (*supra*), mahkamah ini ingin memetik *in extenso* keputusan Vincent Ng PK (kemudiannya HMR) di dalam kes *Goh Kheng Seong v. PP* [1992] 4 CLJ 2133; [1992] 2 CLJ (Rep) 408; [1993] 1 MLJ 103 di mana di ms. 410-414 (CLJ); ms. 107 hingga 111 (MLJ) YA dengan jelasnya memutuskan sebagaimana berikut:

> In his grounds of judgment, though the learned magistrate conceded that the case appeared to be a normal road accident case, he opined that a serious view of the offence should be taken and a fine was not a suitable penalty in 'reckless driving which had caused loss of a life'. He further held that it was the duty of the court to warn other drivers of vehicles, due to the prevalence of such an offence.
>
> After careful reading of the learned magistrate's judgment, it is pertinent to note that he had paid scant regard for the facts of the particular case before him and particularly - for sentencing - the circumstances and nature of the accident which would disclose the degree of culpability of the appellant. Indeed, such vital particulars for sentencing were neither elicited by the learned magistrate from either of the parties nor did he glean from the prosecuting officer when the latter presented the facts of the case before sentence was passed. I cannot but feel that the appellant was given exemplary sentences *in terrorem* more as a hope that it will be a deterrent to other motorists than because he had driven wilfully in a manner dangerous to the public. This is entirely contrary to the principle of sentencing and also markedly runs counter to the principles enunciated in the English case of *R v. Guilfoyle.* As this is a landmark case on the issue of sentencing of a defendant who had caused death by dangerous driving, I shall take the liberty here to quote *in extensionem* the material parts of the judgment of Lawton LJ:

A

It would appear both from a written statement which the appellant made after the accident and his evidence that he did not appreciate the presence of that mini car on the road, and the court can understand how that could come about; but it is no answer for the appellant to say, as he did, that he did not see the mini car. It was his duty, before coming out of the minor road on to the major road, to make sure that it was safe for him to do so, and as long as that mini car was there it clearly was not safe.

B

The appellant brought his lorry out of the minor road, across the carriageway of the major road, intending to turn to his right towards Wakefield. Unfortunately that manoeuvre brought him into the path of the oncoming mini car. There was a collision and all the occupants of the mini car were hurt, and the driver of it died later from his injuries.

C

As I have said, that is a very common type of accident. Clearly, on those facts, the appellant was guilty of causing death by dangerous driving and he has not sought to appeal against his conviction. What he is saying is that the penalties imposed on him, in all the circumstances, were too severe.

D

The *ratio decidendi* of the case being:

*Cases of this kind [ie causing death by dangerous driving] fall into two broad categories; first, ['first definition'] those in which the accident has arisen through momentary inattention or misjudgment, and secondly ['second definition'] those in which the accused has driven in a manner which has shown a selfish disregard for the safety of other road users or of his passengers, or with a degree of recklessness*.

E

F

And the sentence being:

In the judgment of this court an offender who has been convicted because of momentary inattention or misjudgment and who has a good driving record should normally be fined and disqualified from holding or obtaining a driving licence for the minimum statutory period or a period not greatly exceeding it, unless of course there are special reasons for not disqualifying.

G

The above case was discussed with ready approval by Ong CJ (Malaya) in the cases of *Tan Thang Sang v. PP* and *Choong Sze Foong v. PP* [1975] 1 MLJ 204. The relevant passages are as follows:

H

First, *R v. Downey* [1954] MLJ 148 was cited where a fine was substituted by five months imprisonment. It was the case of a British soldier, driving off a heavy military truck without permission, partaking of alcohol and then driving at such speed along an open straight road that he lost control and ran into a Malay family who were keeping close to the side of the road. The high degree of culpability on the part of that driver was established beyond question ...

I

> All the above cases were, in my opinion, proper to cite, provided that those appellants had behaved as heinously as Downey and the others. To thus equiparate the appellants with those people not only implied that these appellants deserved more condign punishment, but also a finding of 'dangerous driving' indistinguishable from the conduct of those other drivers. In none of the five cases were the relevant facts set out at all. Being classed together for punishment, in total disregard of the facts of each case, it necessarily follows that these appellants had also been denied due and proper consideration of their defences and the different circumstances under which they became involved in their misfortune.
>
> ... In my view such miscarriage of justice must be rectified. I do not think any motorist should be condemned to serve a long stretch in prison unless in the manner of his driving he had shown a culpable and callous disregard for the safety of other road users. Making scapegoats of innocent motorists is anathema to our administration of justice.
>
> I trust therefore that the guidelines laid down by Lawton LJ in *R v. Guilfoyle* [1973] 2 All ER 844 which I have recently caused to be circulated to all subordinate courts, will be studied and followed.

In view of the substantial rise in the number of vehicles on the road with concommittant rise in traffic accidents and road accident deaths, I feel obliged in the interest of the public to discuss and endeavour here to resolve the various seemingly intractable issues faced by the lower court in our current case, and generally by the lower courts when dealing with a charge under s. 34A(1) of the Ordinance.

The issues are enumerated and dealt with seriatim as follows:

(1) Basis for sentence in plea of guilty

As a rule, prosecutors ought to follow as closely as possible to the statute in framing their charges. In the current appeal, the appellant was charged as follows:

> Bahawa kamu pada 7 November 1974 jam lebih kurang pukul 6.45 petang di Jalan Gelugor dalam Daerah Georgetown, di Negeri Pulau Pinang, telah menyebabkan kematian ke atas Mokun a/l Sangili penunggang basikal dengan memandu motolori BN 5857 dengan perbuatan tiada mengendahkan suasana dalam semua keadaan (termasuk bentuk, keadaan dan kegunaan jalan, juga kesibukan kenderaan di atas jalan yang boleh dijangkakan) yang merbahaya kepada awam, dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan yang dihukum di bawah s. 34A(1) Ordinan Lalu Lintas Jalan 1958.

The contention of the deputy public prosecutor was that, as the appellant had pleaded guilty to the aforesaid charge in terms aforesaid, it would entail the appellant having admitted that he had driven in 'a reckless

manner under all the circumstances which was dangerous to the public' and this could be the basis for a stiff sentence of imprisonment by the learned magistrate.

I cannot accept that this is so. It is the very essence of criminal trial and procedure and indeed, in the interests of justice, that a line is clearly drawn between pre-conviction and post-conviction stages of a trial, whereby the charge forms the basis of the conviction and facts of the offence including record of previous convictions form the basis for sentence.

Surely, this is strikingly demonstrated by the established procedure which requires the facts of the offence to be adduced by the prosecution and the accused to admit or deny such facts before sentence is passed. It thus stands to reason that due to the wide statutory discretion given to the courts as regards the severity of the sentence to be meted out to the accused in a criminal charge - such as in a charge under s. 34A of the Ordinance - the charge itself could not form the basis for sentence by the sentencer. Such basis for sentence should necessarily be the facts of the offence put forward by the prosecution as admitted or contested by the accused, for it is precisely through the availability of such facts that the sentencer could have the wherewithal to exercise his discretion as regards the severity of the sentence, within the range permitted by statute, to be imposed on the accused. It is from the facts of offence as admitted by the court that factors which aggravates the offence are gleaned for the purpose of ordering a punitive (or, under s. 34A(1), a custodial) sentence.

Where the accused person pleads guilty to the charge in the indictment but puts forward a version of the facts of the offence which differs significantly from the version advance by the prosecution, the court must resolve as follows:

(a) If the version of the facts admitted by the accused so markedly or significantly differs from the prosecution's version of facts and which discloses an offence at odds with the very nature or the necessary ingredients of the charge in the indictment that he had pleaded to, the court has to reject the plea and enter a plea of not guilty to the charge.

(b) However, if the answer to (a) is in the negative and the plea of guilty remains, then the procedure to be followed are as laid out by Lord Lane CJ in the landmark case of *R v. Newton* [1984] 4 Cr App R 388, which obliges the court to conduct a post-conviction hearing to determine the factual basis for sentence, whereby the normal criminal standards of proof apply.

*Newton* hearing

Where a '*Newton* hearing' takes place, evidence should be called in the normal way by counsel for the accused and the prosecution. It is an investigation of the facts of a case in order that the sentencer may be properly apprised of the actual basis upon which he should sentence. That investigation should be conducted by counsel appearing for the accused on the one hand and for the prosecution on the other. In coming to a

conclusion about the facts, the sentencer should direct himself according to the normal criminal burden of proof (per May LJ in *R v. McGrath and Casey* [1983] 6 CR App R 460. The view that the proper standard to apply in order to determine the issue is the normal criminal standard, is endorsed in *R v. Nabil Ahmed* [1984] 6 Cr App R 391, where it was said that 'the accused is given the benefit of the doubt (if there is one) ... by the necessity for the court to direct itself that the accused's account must be accepted unless the court is sure that it is untrue?' See also *R v. Parker* [1984] 6 Cr App R 444, where it was assured that in reviewing the findings of fact made by a judge in the course of a '*Newton* hearing', the Court of Appeal might apply the same test as the court would apply on a civil appeal, which would be the most favourable test for the (accused) appellant.

Where a defendant puts forward a version of the facts which differs from the case put forward by the prosecution, but his story is disbelieved after a '*Newton* hearing', it is now settled that the sentencer may properly withhold some part of the discount which the defendant would normally receive in recognition of his plea of guilty. (see *R v. Stevens* [1986] 8 CR Appp R 297; *R v. Jauncey* [1986] 8 Cr App R 401; *R v. Williams & Ors* [1990] 12 Cr App R 415.

The court is not obliged to hear evidence under the principles laid down in *Newton* [1984] 4 Cr App R 388 aforesaid:

> (i) Where the difference in the two versions of the facts is immaterial to the sentence, and the same sentence would be passed however the question was determined. See *R v. Hall* [1984] 6 CR App R 321, as where the sentence upon the prosecution version is likely to be the same as the sentence imposed if the accused's version is accepted. See *R v. Hall* [1984] 6 Cr App R 321 and see also *R v. Sweeting* [1987] 7 Cr App R 371.
>
> (ii) The second exception is where the version put forward by the defence can be described as 'manifestly false' or 'wholly implausible'. See *R v. Hawkins* [1985] 7 Cr App R 351 and see e.g. *R v. Bilinski* [1987] 9 Cr App R 360 where the appellant pleaded guilty to being concerned in the importation of 3.036kg of heroin, but claimed that he had been under the impression that the substance was cannabis and also see *R v. Mudd* [1988] 10 Cr App R 22.
>
> (iii) The third exception is where matters put forward by the accused do not amount to a contradiction of the prosecution case but rather to extraneous mitigation explaining the background of the offence or other circumstances which may lessen the sentence. Such matters are likely to be outside the knowledge of the prosecution and the prosecution are not bound to challenge the matter put forward by the accused, by cross-examination or otherwise. See *R v. Ghandi* [1986] 8 Cr App R 391; neither is the court bound to accept the truth of such matters put forward by the accused. See *R v. Kerr* [1980] 2 Cr App R 54.

> Though I wish to make it starkly clear here that in the interests of the motoring public and other road users the courts should come down hard on certain motorists charged for dangerous driving, and where the facts warrant, impose custodial sentence which they may richly deserve on a conviction under s. 34A(1) of the Ordinance, yet it is also my view that a motorist should not be so severely sentenced unless the court is satisfied that the accused had shown beyond question, in the manner of his driving, a high degree of culpability amounting to a wilful and callous disregard for the safety of other road users or a selfish disregard for the safety of other road users or of his passengers as accords with the second definition aforesaid of 'dangerous driving' in *R v. Guilfoyle*. See also *Tan Thang Sang v. PP* and *Choong Sze Foong v. PP* at p 208H - first column. In short, there should be sufficient culpability on the part of the accused to justify imprisonment. This ought to be so as the court has to bear in mind that sending a motorist to prison, especially for a substantial term, would entail his having to commune and react with characters of an entirely different ken and may thus emerge from prison metamorphised into a personality, the worse for society. Here, I am mindful of Professor TTB Koh's stimulating speech on a plea for penal reform which he delivered to the Kiwanis Club Singapore on 18 April 1972, wherein he expressed his concern about the probable 'corrupting influence of the inmate sub-culture', and which is reproduced in [1972] 1 MLJ lvii. This itself is inimical to public interest.
>
> I have committed myself to some research into and discuss in detail the *Newton* trial above, as, in my opinion the learned magistrate had caused a miscarriage of justice when - notwithstanding a plea of guilty by the appellant in terms of the charge under s. 34A(1) of the Ordinance, he imposed a term of, *inter alia*, six months' imprisonment without any factual basis for imposing such custodial sentence, pursuant to authorities aforesaid, and when he could have called for a *Newton* trial to establish the basis for such custodial sentence, if needed.
>
> When presenting the facts of the charge for the purpose of sentencing, it is the duty of a competent prosecutor to craft his language in a potent, professional manner and true to facts, for the purpose of driving home, in appropriate cases, the high degree of culpability on the part of the accused, in order to secure the appropriate sentence; the duty of the counsel for the accused to stoutly challenge, where necessary and as instructed by his client, such facts put forward by the prosecution that could have a bearing on the severity of the sentence; and the duty of the court to conduct a *Newton* trial in such situations.
>
> (penekanan ditambah)

**[28]** Keengganan responden menjelaskan bagaimana dia boleh mencerobohi laluan bertentangan menunjukkan dia tidak mempunyai apa-apa penjelasan. Ini bermakna, kemalangan maut itu disebabkan sikap bongkak responden yang tidak mempedulikan akan keselamatan pengguna jalan raya yang lain. Atas dasar ini, kepentingan peribadi responden perlu dikesampingkan demi memberi keutamaan kepada kepentingan awam.

Berdasarkan hukuman yang diperuntukkan di bawah s. 41(1) APJ, yang membawa hukuman penjara mandatori selama dua tahun dan maksima sepuluh tahun serta denda tidak kurang daripada RM5,000, jelas menunjukkan bahawa kesalahan di bawah seksyen tersebut merupakan satu kesalahan yang serius. Adalah menjadi prinsip yang mantap bagi kesalahan yang serius, kepentingan awam perlu diutamakan daripada kepentingan peribadi tertuduh - lihat kes-kes *Tan Bok Yeng v. PP* [1972] 1 LNS 145; [1972] 1 MLJ 214; *PP v. Teh Ah Cheng* [1976] 1 LNS 116; [1976] 2 MLJ 186; *PP v. Yap Huat Heng* [1986] 1 CLJ 81; [1986] CLJ (Rep) 645; [1985] 2 MLJ 414); *PP v. Loo Choon Fatt* [1976] 1 LNS 102; [1976] 2 MLJ 256; dan juga *PP v. Kanadasan Sankaran & Anor* [2010] 1 CLJ 596.

**[29]** Mahkamah ini juga mendapati Puan Majistret telah menerima tanpa soal surat pengesahan pelajar responden. Berdasarkan eks. D12 (lihat ms. 15 RR jld 3(a)), daripada Menara International College, mahkamah ini mengambil perhatian bahawa responden dikatakan mula mengikuti kursus kemahiran di dalam bidang Kemahiran Penyelenggaraan/Pemasangan Elektrik Satu Fasa selepas kemalangan maut ini berlaku dan sebelum pertuduhan dibuat. Ditulis di dalam surat pengesahan tersebut bahawa responden memulakan pengajian pada 1 Februari 2017 sehingga 31 Februari 2019. Mahkamah ini tertanya-tanya semenjak bila bulan Februari mempunyai 31 hari? Tahun lompat yang datang empat tahun sekali hanya ada 29 hari. Tiada penjelasan diminta oleh Puan Majistret daripada peguam bela, sama ada tarikh di dalam surat tersebut merupakan suatu kesilapan taipan (typing error). Perkara ini mungkin dianggap suatu yang remeh, tetapi mahkamah ini percaya sebuah pusat pengajian tinggi bertaraf kolej tidak akan membuat kesilapan tentang bilangan hari dalam bulan Februari. Sepatutnya, Puan Majistret membuat pertanyaan kepada peguam bela atau TPR mengenai kesahihan surat tersebut memandangkan terdapat kesilapan yang amat terang. Namun, Puan Majistret terus menerima eks. D12, tanpa memberi perhatian kepada perkara tersebut. Nampaknya, Puan Majistret tidak menggunakan ketelitian dalam mempertimbangkan fakta kes di hadapan beliau. Adalah selamat untuk mahkamah ini membuat inferens bahawa perkara ini terjadi memandangkan sedari awal Puan Majistret sudah membayangkan untuk melepaskan responden dengan bon berkelakuan baik, tanpa perlu menimbang fakta yang bakal dikemukakan dalam proses menjatuhkan hukuman. Kedudukan ini nyata di dalam alasan penghakiman Puan Majistret di ms. 17 RR jld 1 yang dibaca seperti berikut:

> Bagi kes ini OKT berumur 21 tahun sewaktu dituduh di Mahkamah dan sewaktu kejadian berlaku OKT berusia lebih kurang 20 tahun. Mahkamah mengambil kira akan fakta ini, dan pada peringkat awal lagi Mahkamah telah pun membayangkan hukuman bon di bawah Seksyen 294 Kanun Tatacara Jenayah kerana ianya sejajar dan selari dengan peruntukan undang-undang.

**[30]** Ternyata, Puan Majistret telah pre-judge keputusan tanpa mengambil kira prinsip undang-undang yang harus diikuti dalam kes sebegini. Apa yang beliau kata "sejajar dan selari dengan undang-undang", sebenarnya suatu penyimpangan undang-undang, memandangkan beliau gagal melaksanakan apa yang dituntut oleh undang-undang, iaitu mengadakan *Newton* hearing sebelum menjatuhkan hukuman.

**Kesimpulan Dan Keputusan**

**[31]** Atas salah arahan yang dilakukan oleh Puan Majistret yang terpelajar, mahkamah ini terpaksa campur tangan. Rayuan Pendakwa Raya sememangnya mempunyai merit dan dibenarkan. Hukuman yang dijatuhkan oleh Puan Majistret ke atas responden diakaskan dan digantikan dengan hukuman penjara dan denda minima yang dibenarkan oleh s. 41(1) APJ. Responden dengan ini dihukum penjara selama dua tahun dan didenda sebanyak RM5,000, jika gagal bayar denda dipenjara selama dua bulan.

**[32]** Selaras dengan peruntukan sub-s. 41(2) dan (3) APJ, mahkamah ini memerintahkan lesen memandu responden dicatitkan (endorsed) dengan kesalahan yang disabitkan dan selanjutnya, responden digantung daripada memegang lesen memandu selama tiga tahun bermula daripada perintah mahkamah ini.